

07 AUG 1997

Mahathir-saham

MASA UNTUK DANA TEMPATAN MEMBELI SAHAM, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau menjangkakan dana tempatan akan memasuki pasaran sekarang dan membeli saham di Bursa Saham Kuala Lumpur yang ditutup rendah pada keseluruhannya hari ini.

Perdana Menteri berkata beliau tidak bimbang dengan penutupan rendah di BSKL kerana memang biasa bagi pengurus dana untuk menarik diri pada saat-saat sedemikian kerana mereka bimbang tentang penurunan selanjutnya.

"Tetapi saya menjangkakan dana tempatan akan masuk dan membeli saham yang murah sekarang," katanya kepada pemberita selepas melancarkan sebuah syarikat penganjur pameran dan pesta dagangan di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas tentang kejatuhan harga saham di BSKL berikutan tekanan jualan yang muncul semula. Pemain asing tidak memberi banyak sokongan kepada pasaran hari ini. Indeks komposit jatuh 23.41 mata atau 2.46 peratus untuk ditutup pada 928.33.

"Jika saya seorang pemain di bursa saham, saya akan membeli saham sekarang tetapi saya tidak bermain saham.

"Walaupun jika saya beli, saya tidak akan meninggalkan sebarang kesan," kata Perdana Menteri.

Bagaimanapun, beliau berkata dana tempatan sepatutnya masuk sekarang untuk membeli kerana mereka "boleh mendapat keuntungan."

Mengenai had terhadap urus niaga pertukaran wang bukan komersil dengan pelanggan asing sebanyak AS\$2 juta yang diperkenalkan oleh Bank Negara baru-baru ini, Dr Mahathir berkata ia akan dilaksanakan selagi tindakan itu perlu.

Katanya peraturan itu bukan satu sekatan tetapi satu perbezaan kadar faedah yang sering diamalkan di negara ini.

Diminta mengulas mengenai khabar angin kononnya Tan Sri Ahmad Mohd Don telah meletak jawatan sebagai Gabenor Bank Negara, Dr Mahathir menjawab, "tiada khabar angin sedemikian."

Terdahulu seorang jurucakap Bank Negara menafikan khabar angin yang tersebar di pelbagai pasaran wang bahawa Ahmad telah mengemukakan surat peletakan jawatannya. -- BERNAMA

AZZ SIA MAI